

30/06/1999

Pesara terima bayaran imbuhan RM600 mulai Julai

Jami'ah Shukri

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan hari ini memutuskan bayaran istimewa RM600 kepada penerima pencen akan dibayar secara berperingkat selama enam bulan, mulai Julai ini.

Sehubungan itu, semua penerima pencen sektor awam akan menikmati imbuhan itu RM100 sebulan, kecuali mereka yang berjawatan terakhir dalam Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa) atau setaraf dengannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata syarat terperinci dan kaedah pembayaran akan dimaklumkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada Persatuan-persatuan Persara Kerajaan.

"Bayaran berkenaan tidak ada hubung kait dengan penyelarasan pencen mengikut undang-undang pencen atau pemberian imbuhan tahunan atau bantuan khas kewangan kepada anggota sektor awam yang sedang berkhidmat.

"Dengan pemberian bayaran istimewa itu diharap dapat dimanfaatkan oleh penerima pencen bagi mengurangkan bebanan mereka dalam menangani masalah kewangan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri, hari ini.

Dr Mahathir berkata, pemberian itu tidak mempunyai maksud tertentu, sebaliknya untuk mengurangkan bebanan rakyat terutama ketika kegawatan ekonomi dan keadaan inflasi.

Sebelum ini, Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, mengumumkan lebih 800,000 kakitangan awam di seluruh negara akan menerima pemberian khas sebanyak RM600 yang akan dibayar dalam tempoh enam bulan, mulai bulan depan.

Imbuhan khas itu juga akan dinikmati kumpulan yang sudah bersara, kecuali kakitangan Jusa.

Ini adalah pemberian khas kedua selepas kerajaan memberi bantuan kewangan sebanyak RM400 seorang kepada kakitangan awam bagi membantu mereka menangani masalah perbelanjaan persekolahan anak-anak dan keperluan lain, Disember lalu.

Pemberian itu adalah sebagai tanda terima kasih kerajaan kepada kakitangan yang membantu mewujudkan iklim perhubungan industri yang positif dan sesuai dengan hasrat memulihkan ekonomi negara.

(END)